

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (KULAI)

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN TEO NIE CHING minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah permohonan yang telah diterima dan jumlah permohonan yang layak dalam usaha pengambilan khas 18,702 guru gred DG41 setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan Pengambilan Khas seramai 18,702 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara *one-off* bagi mengisi kekosongan guru di sekolah KPM. Urusan pengambilan PPP ini adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPP telah menerima sebanyak 489,082 permohonan. Berdasarkan syarat yang telah ditetapkan, jumlah calon yang layak dipanggil temu duga adalah seramai 17,157 orang.